


ISTIADAT KONVOKESYEN KHAS UniMAP



Bagi menghargai dan mengenang jasa serta pengorbanan yang telah ditaburkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Y.A.Bhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali selama ini, Universiti Malaysia Perlis telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Ulung kepada kedua-dua tokoh kesayangan Negara ini. Ia disempurnakan dalam Istiadat Konvokesyen Khas UniMAP yang telah dilangsungkan pada 17 Mac 2011 yang lalu di Dewan 2020 Kangar, Perlis. Pada istiadat ini Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan manakala Y.A.Bhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali dianugerahkan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Sains. Ini adalah julung-julung kalinya UniMAP menganugerahkan Ijazah Kehormat Ulung kepada individu-individu yang sangat istimewa dan banyak berjasa kepada agama, bangsa dan negara.

Kedua-dua penganugerahan ini telah disempurnakan penyampaiannya oleh Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Raja Muda Perlis. Turut berangkat hadir ke istiadat ini ialah Pro Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Turut hadir Menteri Besar Perlis, YAB Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu dan isteri, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, YB Dato' Yazid Mat dan isteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perlis, Pengurus dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor UniMAP dan Naib-naib Canselor atau wakil IPTA/S dan luar negara, pemimpin-pemimpin masyarakat serta kakitangan dan pelajar UniMAP. Dalam titah ucapannya, DYTM Tuanku Canselor menyeru agar semua pemimpin di segenap peringkat mencontohi ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh Tun Dr. Mahathir yang dianggap sebagai genius dan berkualiber.



Baginda juga menyifatkan mantan Perdana Menteri itu sebagai negarawan berjiwa besar yang sentiasa mahu melihat masyarakat kita terus hidup dalam aman, bersatu serta seimbang dalam semua aspek kehidupan. Ciri-ciri tersebut dapat memastikan rakyat negara ini berdiri sama tinggi setanding dengan masyarakat lain di dunia.

Dalam pada itu, Tun Dr. Mahathir dalam ucapannya banyak memuji perkembangan dan kejayaan yang telah dicapai oleh UniMAP walaupun universiti ini boleh dianggap masih muda lagi. Bagaimanapun, beliau mengingatkan agar setiap warga UniMAP supaya jangan leka dan terus gandakan usaha bagi menjadikan universiti ini sebagai sebuah universiti yang hebat dan disegani di rantau ini.

Bersempena dengan Istiadat Konvokesyen Khas UniMAP ini, turut diadakan Majlis Santapan Malam yang telah dilangsungkan pada malam sebelumnya - 16 Mac 2011. Majlis yang penuh gemilang ini telah diadakan di Dewan Warisan, Kangar dan dihadiri oleh semua tetamu kehormat Istiadat Konvokesyen Khas. Semoga dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Ulung ini akan dapat menaikkan semangat warga UniMAP dalam meneruskan perjuangan mengharumkan nama universiti ini.

Sekalung tahniah buat Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah di atas penganugerahan yang diberikan sebagai tanda penghargaan UniMAP di atas jasa bakti yang dicurahkan. Doa kami warga UniMAP semoga Tun berdua terus rahmati oleh Allah S.W.T. serta dikurniakan kesihatan yang berterusan olehNya.



Istiadat KONVOKESYEN KHAS
Universiti Malaysia Perlis

Penganugerahan Ijazah Kehormat Ulung :
Y.A. Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad & Y.A. Bhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali
17 Mac 2011 Bersamaan 12 Rabiulakhir 1432H | Dewan 2020, Kangar, Perlis

Oleh : Mustaffa Ismail (pro@unimap.edu.my)

Ilmu • Keikhlasan • Kecemerlangan
Pencetus Warisan Minda
www.unimap.edu.my

11